

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bidang tanggungjawab bagi setiap seorang Timbalan Menteri dalam memandu Kementerian menyelesaikan pelbagai masalah yang berkaitan dengan perihal kesihatan awam sejak bermulanya pentadbiran Kerajaan Persekutuan baharu pada Mac tahun lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tanggungjawab Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Kesihatan adalah sepertimana yang telah disiarkan dalam Warta kerajaan Persekutuan, Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No.3) 2020 yang telah diwartakan pada 9 Julai 2021.
2. Selaras dengan bidang kuasa dan fungsi Menteri Kesihatan yang telah diwartakan, Timbalan Menteri Kesihatan adalah bertanggungjawab untuk membantu Menteri Kesihatan bagi memastikan segala dasar dan perancangan kesihatan dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.